

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN**  
**TAHUNAN KOBENA KE 15/1999**  
**DI HOTEL DYNASTY, KUALA LUMPUR**  
**10 OKTOBER 1999**

-----

Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Eksekutif dan Lembaga Kobena yang telah sudi menjemput saya ke majlis ini dan seterusnya merasmikan mesyuarat agung perwakilan tahunan Kobena kali ke-15.

2. Sesungguhnya, kerajaan sentiasa mengambil perhatian dan menitikberatkan perkembangan sektor koperasi. Di negara kita, pergerakan koperasi bermula pada tahun 1922 dan perkembangannya adalah menggalakkan. Jika dilihat dari segi perangkaan, jumlah koperasi yang ditubuhkan di negara ini bertambah pada setiap tahun. Sehingga tahun 1998, jumlah koperasi berdaftar adalah hampir 4,000 buah, dengan jumlah anggota melebihi 5 juta orang. Sektor koperasi juga mempunyai aset yang banyak iaitu berjumlah rm 13.9 billion. Dengan jumlah modal berbayar RM 3.58 billion, sektor koperasi dilihat mampu berperanan membantu mengukuhkan ekonomi negara kita.

3. Berdasarkan kepada konsep berkoperasi, saya percaya sektor koperasi boleh memainkan peranan yang penting dalam membantu meningkatkan taraf ekonomi, terutamanya anggota-anggota koperasi tersebut. Bagi memastikan pergerakan koperasi berjalan dengan betul dan selaras dengan matlamat penubuhannya, kerajaan sentiasa mengawal selia dan membantu melalui kementerian tanah dan pembangunan koperasi. Akta koperasi pula boleh dipinda dari semasa ke semasa selaras dengan perkembangan semasa dan bagi menyesuaikan dengan keperluan pergerakan koperasi. Sektor koperasi bukan sahaja boleh menjadi sektor ketiga terpenting dalam ekonomi negara kita, bahkan sektor koperasi boleh menyumbang kepada usaha-usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara pada masa ini.

4. Daripada makluman yang saya terima, saya berpuas hati dengan perkembangan kobena sehingga kini. Saya mengucapkan tahniah kepada pengerusi dan anggota lembaga yang berusaha dengan gigih bagi menaikkan semula imej dan martabat Kobena. Daripada apa yang diperkatakan oleh Dato Dr Haji Mohd Fuad Haji Ahmad, Pengerusi Kobena sebentar tadi, hutang terkumpul Kobena telah dapat dikurangkan daripada lebih kurang RM 200 juta pada tahun 1992 kepada RM 39 juta sahaja pada tahun 1998. Ini merupakan satu pencapaian yang besar dan membanggakan. Apa yang perlu terus dilakukan oleh lembaga dan pengurusan kobena adalah berusaha bagi memastikan keseluruhan hutang akan dapat di selesaikan secepat mungkin. Saya berharap pihak-pihak kreditor lebih bertimbang-rasa dan akan memberikan kerjasama dan sokongan terhadap usaha Kobena ini. Bagi pihak kerajaan, kita akan melihat bersama-sama dengan pihak bank negara, kementerian kewangan, dan lain-lain badan yang terlibat, bagi membantu Kobena menyelesaikan hutang yang masih ada.

5. Dari segi mendapatkan projek-projek, saya dapati usaha-usaha sememangnya telah dilakukan oleh pihak lembaga dan pengurusan Kobena. Walaupun bidang pembinaan dan pembangunan hartanah merupakan aktiviti utama Kobena, saya

ingin mengesyorkan agar Kobena mempelbagaikan (diversify) aktiviti dengan menceburi bidang-bidang seperti pembuatan, pertanian, pengeluaran bahan makan, dan sebagainya. Untuk tujuan tersebut, kajian perlu dilakukan bagi memastikan bidang mana yang sesuai dan akan memberikan pulangan dan masa depan yang baik untuk Kobena. Pihak kerajaan sentiasa membuka dan memberikan peluang-peluang baru kepada Kobena.

6. Bagi memudahkan perolehan projek-projek, satu lagi usaha yang boleh dibuat ialah dengan mengadakan usahasama dengan pihak kedua, seperti usahasama dengan anak syarikat kerajaan negeri, agensi-agensi kerajaan, dan syarikat-syarikat swasta. Dalam hal ini, saya bangga mendengar Kobena banyak mengadakan kerjasama dan usahasama dengan pelbagai pihak. Usahasama antara Kobena dan anak syarikat kerajaan negeri Perak bagi melaksanakan 'perkampungan bistari' atau intelligence village di Manjung, Perak, iaitu satu usaha untuk melatih dan menyediakan tenaga mahir tempatan bagi dibekalkan kepada sektor tenaga, petroleum dan gas adalah salah satu contoh yang baik dan perlu diteruskan. Selain dari itu, saya juga mencadangkan agar Kobena membuat usahasama sesama koperasi dalam melaksanakan sesuatu aktiviti samada projek perniagaan, atau kegiatan-kegiatan lain. Saranan ini bersesuaian dengan konsep dan matlamat pergerakan koperasi, dan ianya akan dapat memperkembangkan lagi sektor koperasi di negara kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Salah satu matlamat utama pergerakan koperasi ialah untuk menjaga kebajikan anggota-anggota sesebuah koperasi tersebut. Dalam hal ini, saya mengucapkan syabas kepada Lembaga dan pengurusan Kobena kerana sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan dan kebajikan kepada anggota-anggota yang memerlukan. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kolej FTMS-ICL yang berkesanggupan memberikan biasiswa kepada anggota-anggota koperasi, khususnya anggota Kobena, dan juga kepada masyarakat pada keseluruhannya. Secara tidak langsung, bantuan yang diberikan oleh kolej ini akan dapat membantu meringankan bebanan kerajaan. Ianya juga akan memberi lebih peluang kepada anggota Kobena dan keluarga untuk melanjutkan pelajaran. Saya berharap usaha dan inisiatif yang dibuat oleh kolej FTMS-ICL ini akan menjadi model kepada syarikat-syarikat dan kolej-kolej swasta yang lain.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Dalam pergerakan koperasi, keutuhan dan kecemerlangan sesebuah koperasi bukan sahaja bergantung kepada Lembaga dan pengurusan koperasi berkenaan sahaja. Anggota-anggota koperasi berkenaan juga memainkan peranan yang penting, dan perlu mempunyai rasa bertanggungjawab terhadap pencapaian atau kelemahan koperasi berkenaan. Oleh itu, kerjasama dan sokongan dari semua anggota amat penting bagi memastikan apa yang dibuat dan dirancang oleh pihak Lembaga dan pengurusan kobena mencapai matlamat yang diharapkan. Selain dari itu, anggota juga boleh dan sepatutnya membantu mengenalpasti dan mendapatkan peluang-peluang samada projek atau lain-lain perniagaan yang difikirkan dapat dilaksanakan oleh koperasi berkenaan. Saya dapati jumlah anggota kobena bertambah dari lebih kurang 16,000 orang kepada lebih kurang 40,000 orang, manakala jumlah syer juga meningkat dari RM 6 juta kepada RM 8 juta. Ini menunjukkan satu petanda yang positif, yang bermakna Kobena perlu diteruskan, malah perlu dipertingkatkan dari segi pencapaian dan imejnya. Saya yakin, dengan

usaha gigih pengurusan kobena dan sokongan semua pihak, kobena mampu dan kobena boleh melaksanakannya.

9. Sebagai sebuah koperasi belia, Kobena hendaklah memainkan peranan yang lebih aktif dalam memajukan golongan belia di negara kita. Saya berharap, selain dari mengurus dan mengendalikan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di Johor, Kobena juga boleh mengambil penswastaaan pengurusan bagi lain-lain IKBN di seluruh negara. Di samping itu, Kobena juga boleh merangka dan menganjurkan program-program belia yang berfaedah seperti seminar keusahawanan belia dan sebagainya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Akhirnya, saya berharap semua pihak akan dapat memberikan kerjasama, sokongan dan pertolongan kepada usaha-usaha yang dibuat oleh kobena. Ini termasuklah usaha Kobena untuk menyelesaikan keseluruhan hutangnya, usaha Kobena untuk memperolehi projek dan peluang perniagaan dan sebagainya. Saya juga berharap agar kobena sendiri berusaha memantapkan lagi usaha-usaha yang dibuat bagi menjamin segala matlamat Kobena akan tercapai. Seterusnya, saya menyeru agar semua perwakilan dan anggota Kobena memberikan kerjasama dan sokongan padu kepada segala usaha dan kerja keras yang dibuat oleh Lembaga dan pengurusan Kobena demi untuk kemajuan dan kejayaan Kobena sendiri. Bagi diri saya secara individu, ikatan dan kasih saya terhadap kobena masih kekal dan menebal sekali di dalam diri saya. Sebagai pengerusi pertama Kobena, sememangnya saya mahu melihat kobena mampu bangkit dan muncul sebagai salah sebuah koperasi yang unggul di negara kita. Walaupun saya tidak lagi berada di dalam Kobena, sokongan dan bantuan saya terhadap Kobena akan saya teruskan dari semasa ke semasa.

11. Dengan lafaz bismillahhirrahmannirrohim, saya dengan ini merasmikan mesyuarat agung perwakilan tahunan Kobena kali ke-15.

Terima kasih.